



Kenyataan Media

**CYBERJAYA
4 Mei 2024**

MCMC TAMBAH BAIK KEMUDAHAN INTERNET UNTUK PENDUDUK KAMPUNG ORANG ASLI KERLING, SELANGOR

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menerusi Pejabat MCMC Negeri Selangor telah membuat tinjauan ke menara Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Kampung Orang Asli Kerling, Selangor petang semalam.

Tinjauan yang diketuai Bukhari Yahya, Ketua Bahagian Koordinasi Negeri MCMC adalah bagi melihat kemajuan pelaksanaan di menara berkenaan.

Menara berkenaan telah siap pada tahun lalu dan kini dalam proses sambungan rangkaian gentian optik ke menara sebelum boleh diaktifkan. Sambungan rangkaian optik ini dijangka siap pada suku pertama tahun hadapan.



MCMC mengadakan tinjauan ke Kampung Orang Asli Kerling, Selangor.

Pengaktifan menara berkenaan kelak akan memberi manfaat kepada lebih 250 orang masyarakat Orang Asli di kampung berkenaan.

Namun, memandangkan terdapat keperluan kepada perkhidmatan telekomunikasi di perkampungan Orang Asli ini, MCMC telah mengambil inisiatif untuk menjalankan *Proof of Concept* (POC) Starlink sebagai alternatif kepada gentian optik sebagai sambungan teras kepada menara Kampung Orang Asli Kerling.

Melalui POC ini, menara Kampung Orang Asli Kerling akan diaktifkan bermula 8 Mei 2024 dengan menawarkan perkhidmatan telekomunikasi daripada tiga syarikat telco utama iaitu CelcomDigi, Maxis dan U Mobile.

Perkhidmatan telekomunikasi ini akan memudahkan urusan harian penduduk bagi tujuan komunikasi, pendidikan dan lain-lain.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV